

Masalah utama peniaga kecil B-putera

— Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi tiga masalah utama yang dihadapi oleh para penaja dan peniaga kecil Bumiputera.

Kata beliau, masalah-masalah itu ialah untuk mendapatkan:

- Sumber bekalan barang-barang perniagaan.
- Tempat perniagaan yang sesuai.
- Kredit barang dari sumber-sumber bekalan.

Beliau yang merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Ke 2 Gabungan Persatuan-Persatuan Penaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini petang ini.

Ucapan beliau dibacakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Encik Abu Hassan Haji Omar.

Kemudahan

Kata Dato Seri Dr. Mahathir, soal kewangan bukanlah masalah besar dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil tersebut sebagaimana yang dianggap sebelum ini.

"Masalah utama yang mereka hadapi ialah untuk memilih jenis perniagaan, sumber-sumber bekalan dan tempat-tempat yang sesuai untuk menjalankan perniagaan," tambahnya.

Menurutnya, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan telah mengutangkan \$30 juta untuk menyediakan

kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan kepada penaja dan peniaga-peniaga kecil Bumiputera yang berjumlah lebih 25,000 orang di negara ini.

Katanya, peruntukan ini satu perkara baru dalam dasar Kerajaan kerana ia tidak pernah disediakan pada masa-masa lalu.

Beliau memberitahu, tujuan peruntukan itu ialah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan perniagaan seperti gerai-gerai dan kedai-kedai yang lengkap dengan bekalan air serta api elektrik sebagai bantuan kepada golongan miskin dan para belia yang hendak berniaga.

Di samping itu, tambahnya, peruntukan itu juga bertujuan membaiki kemudahan-kemudahan perniagaan yang sudah sedia ada sebagai satu galakan bagi mereka.

"Kerajaan hanya mengenakan kadar bayaran balik yang minima sahaja untuk kemudahan-kemudahan ini. Tetapi Kerajaan bukan hendak mendapatkan bayaran balik tetapi untuk mewujudkan semangat perniagaan yang sihat," katanya lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Mengkaji

Selain dari itu, kata beliau, Kerajaan juga menyediakan skim pinjaman khas bagi mereka membiayai sesuatu perniagaan.

Kata beliau lagi: "Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelaras Penyertaan Bumiputera untuk mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha Bumiputera dan mengambil tindakan untuk mengatasinya.

"Beberapa kementerian seperti Kementerian Kerja Raya, Perusahaan Awam, Kewangan, Perdagangan dan Perindustrian serta Tabung Pembangunan Perindustrian Malaysia juga telah menubuhkan unit-unit khas bagi Bumiputera."

Timbalan Perdana Menteri juga memberitahu, Kerajaan telah menyusun semula beberapa buah agensi khas terutama Mara dan Unit Bimbingan Pemas Edar supaya boleh memainkan peranan lebih positif dalam membantu peniaga Bumiputera.

Beberapa agensi lain juga telah menjalankan berbagai kursus termasuk pengurusan perniagaan bagi faedah peniaga-peniaga Bumiputera untuk mengetahui selok-belok bidang perniagaan, katanya.

Beliau kemudian mengingatkan para peniaga Bumiputera supaya jangan menganggap berniaga secara kecil-kecilan sebagai hina kerana ia adalah asas untuk perkembangan sesuatu perniagaan.

Dato Seri Dr. Mahathir juga menyeru semua persatuan dan pertubuhan perniagaan supaya mempunyai segala maklumat lengkap mengenai agensi-agensi Kerajaan untuk faedah ahli-ahlinya terutama bakal peniaga.